



SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)

LAPORAN HARIAN
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK
10 APRIL 2018

1. Laporan **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak** bagi Statistik Survelan Wabak Penyakit Rabies.

Pada 09.04.2018 (Isnin), **3** daripada 10 keputusan sampel yang di terima dari VRI, Ipoh adalah **Positif Virus Rabies**.

Bil.	Sampel	Kawasan
1.	Anjing Liar	Taman Borneo Height, Batu 11, Jalan Puncak Borneo, Kuching
2.	Anjing Bertuan	Kpg Bayor, Batu 57, Jalan Kuching/Sri Aman, Balai Ringin, Serian
3.	Anjing Bertuan	7385, Lorong Matang Jaya 5, Taman Matang Jaya, Kuching

Perkara	Anjing (Ekor)	Kucing (Ekor)	Haiwan Lain (Ekor)	Jumlah (Ekor)
Program Pemvaksinan Dan Survelan Haiwan Kesayangan.	52,710	8,088	52	60,850
Keputusan Bilangan Sampel Positif	106	8	0	114 (25.62%)
Pengawalan Populasi Anjing Terbiar	5,963	0	0	5,963

Perkara	Kempen	Peserta
Kempen Kesedaran Wabak Rabies	1,174	46,551

JPVS sentiasa mengingatkan semua pihak supaya mengelak haiwan kesayangan samada telah divaksin atau belum dari bercampur dengan haiwan terbiar dan memerhati perubahan sikap haiwan tersebut daripada jinak kepada ganas, menggigit sebarang benda bergerak, hidrofobia terhadap air dan cahaya, menyendiri dengan air liur berlebihan dan kelihatan gelisah. Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda tersebut hendaklah dilaporkan kepada JPVS ditalian **082-612949** atau **082-611607** dengan segera.

PVS ingin mengingatkan bahawa dibawah Seksyen 37(2) & (3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999, adalah menjadi kesalahan untuk membiarkan anjing lepas bebas dan membawa anjing keluar dari kawasan wabak Rabies tanpa kebenaran bertulis daripada *State Veterinary Authority*. Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pemilik anjing hendaklah memastikan anjing mereka disuntik vaksin anti Rabies dikawasan wabak. Kegagalan berbuat demikian boleh disabit kesalahan dibawah Seksyen 40, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Denda tidak melebihi RM2,500 dan anjing yang ditangkap tanpa bukti penvaksinan anti-Rabies boleh ditahan dan dimusnahkan.

PERHATIAN:

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak mengambil anjing terbiar yang tidak diketahui status kesihatan anjing tersebut terutama dari kawasan wabak untuk mengelak risiko jangkitan rabies sekiranya anjing tersebut telah dijangkiti virus rabies. Perkara ini adalah amat penting kerana terdapat anjing yang dipungut (adopt) telah disahkan positif dengan virus Rabies.

2. Laporan harian **Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak** bagi kes gigitan haiwan dan orang yang menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

JKNS memaklumkan bahawa sebanyak **34 kes gigitan baru** dilaporkan pada hari ini, **peningkatan** sebanyak **1 (3.0%) kes** berbanding dengan hari sebelumnya. Sebanyak **21 kes (61.8%) melibatkan gigitan anjing**, di mana sebanyak 17 kes (81.0%) melibatkan anjing peliharaan manakala 4 kes (19.0%) melibatkan anjing tidak bertuan. Lain-lain kes adalah **gigitan kucing sebanyak 11kes (32.4%)**, di mana sebanyak 10 kes (90.9%) melibatkan kucing peliharaan manakala 1 kes (9.1%) melibatkan kucing tidak bertuan, **1 kes gigitan monyet**

liar (2.9%) dan 1 kes gigitan tikus liar (2.9%) . Bilangan yang telah menerima suntikan **Vaksin Anti-Rabies** adalah **14 orang**.

Kes Gigitan Haiwan Mengikut Bahagian		
Bahagian	Jumlah Kes Baru (10 APRIL 2018)	Jumlah Kes Kumulatif Gigitan Haiwan (Mulai 1 April 2017)
Kuching	21	4,020
Samarahan	0	613
Serian	9	2,797
Sri Aman	4	773
Betong	0	111
Sarikei	0	178
Jumlah Keseluruhan	34	8,492

Kes Gigitan Haiwan Baru Mengikut Jenis Haiwan (10 APRIL 2018)					
Perkara	Jumlah Kes Mangsa Gigitan (kes)				
	Anjing	Kucing	Tikus	Monyet	Jumlah
Haiwan Peliharaan	17	10	0	0	27
Haiwan Liar atau Tidak Bertuan	4	1	1	1	7
Jumlah	21	11	1	1	34

Perkara	Kes Kumulatif Gigitan Haiwan (Mulai 1 April 2017)	Bilangan Kumulatif Yang Telah Menerima Suntikan Vaksin Anti-Rabies (Mulai 1 April 2017)
Jumlah	8,492 kes	3,289 orang / 38.7%

Orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing diminta untuk segera bertindak membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindarkan diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit; dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

3. Kawasan Yang Telah Di Isytihar Wabak Rabies

Sehingga hari ini jumlah keseluruhan kawasan yang telah di isytiharkan Wabak Rabies adalah sebanyak **30 kawasan dari 5 Bahagian iaitu Kuching (4), Samarahan (3), Serian (21), Sri Aman (1), dan Sarikei (1).**

BIL	BAHAGIAN	KAWASAN YANG DI ISYTIHAR WABAK RABIES
1.	Kuching	Lorong 11, Batu 5, Jalan Semaba
2.		Wet Market Sg Maong
3.		Kampung Serikin
4.		Taman Alamanda Indah Matang
5.	Samarahan	Kampung Sampun Gerunggang, Asajaya
6.		Kawasan Pasar Simunjan
7.		Kampung Gawang Empili, Simunjan
8.	Serian	Kampung Kerait
9.		Kampung Paon Rimu
10.		Kampung Paon Rimu Bakong
11.		Kampung Remun
12.		Kampung Lebor
13.		Kampung Seroban
14.		Kampung Tangga
15.		Kampung Ampungan
16.		Kampung Mentong Berawan
17.		Mentong Silaga
18.		Kampung Engkabang
19.		Kampung Tampek Sumpas
20.		Kampung Rasau

21.		Pekan Siburan
22.		Bandar Serian
23.		Batu 45 Kuching-Serian
24.		Kampung Temong Mura
25.		Kampung Entubuh
26.		Kampung Kuala Jalan Gedong
27.		Kampung Telagus Serian
28.		Ladang Masranti, Telagus
29.	Sri Aman	Rh. Janta, Punggu Mawang
30.	Sarikei	SMK Julau No. 2

Disediakan oleh:

Bilik Gerakan Negeri Sarawak

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

10.04.2018